

BANTUAN PEMULIHAN BANJIR DI JOHOR

- ▶ Kerugian ditaksirkan mencecah RM1.5 bilion, tidak termasuk yang ditanggung oleh syarikat swasta dan individu.
- ▶ Kementerian Pelajaran kerugian RM102 juta akibat kerosakan bangunan dan peralatan sekolah.
- ▶ Jabatan Kerja Raya (JKR) diperuntukkan RM350 juta untuk baik pulih infrastruktur seperti jambatan dan jalan raya.
- ▶ Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membelanjakan RM137 juta membaiki jalan luar bandar.
- ▶ Kerajaan akan sumbang RM500 kepada semua mangsa banjir kali pertama dan kedua.
- ▶ RM300 kepada setiap keluarga yang berpindah ke rumah saudara-mara.
- ▶ RM500 bagi kerosakan peralatan rumah kepada semua mangsa.
- ▶ Bantuan maksimum RM3,000 untuk mangsa banjir yang mengalami kerosakan rumah.
- ▶ Bantuan ihsan RM5,000 kepada keluarga yang mengalami kematian akibat banjir.
- ▶ Bantuan kepada sektor pertanian:
 - ▶ Bantuan penanaman semula padi RM573 sehektar.
 - ▶ Bantuan RM2,000 sehektar (maksimum) kepada pemilik tanaman kontan dan jangka pendek melibatkan sayur-sayuran.
 - ▶ Bantuan ihsan RM1,000 sehektar (maksimum) untuk tanaman buah-buahan dan minimum RM500 bagi yang kurang sehektar.
 - ▶ Penternak kambing akan terima bantuan ihsan RM150 seekor (maksimum 20 ekor).
 - ▶ Penternak ayam serta itik diberikan bantuan ihsan RM5 seekor (maksimum 100 ekor).
 - ▶ Sektor akuakultur mendapat bantuan ihsan RM1,500 sehektar (maksimum dua hektar).
 - ▶ Penternak kecil dapat bantuan ihsan RM1,500 (maksimum sehektar) dan penternak sangkar akan dapat bantuan RM200 bagi setiap petak sangkar (tuntutan maksimum 12 petak sangkar).

Kerugian banjir di Johor RM1.5b

PUTRAJAYA 29 Jan. — Kerajaan menaksirkan jumlah keseluruhan kerugian akibat banjir besar di Johor sejak pertengahan Disember lalu mencecah hingga RM1.5 bilion membabitkan segala bentuk kerosakan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ekoran kerugian tersebut, kerajaan mengarahkan supaya kerja pemulihan dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Menurut beliau, daripada jumlah kerugian itu, kerajaan menganggarkan sejumlah RM350 juta perlu dibelanjakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk membaik pulih infrastruktur seperti jambatan dan jalan raya yang rosak akibat bencana itu.

Beliau berkata, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pula diminta mengambil tindakan segera membaiki jalan luar bandar yang rosak dengan kos RM137 juta manakala Kementerian Pelajaran mengalami kerugian RM102 juta akibat kerosakan bangunan dan peralatan sekolah.

“Anggaran kerugian itu adalah jumlah keseluruhan yang melibatkan akaun kerajaan dan ia tidak termasuk kerugian di peringkat peribadi dan komersial, umpamanya syarikat perniagaan,” kata Najib pada sidang akhbar selepas memperkerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Pusat di sini hari ini.

Gelombang pertama banjir besar yang melanda Johor sejak 19 Disember lalu menyebabkan 148,000 orang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan manakala sejumlah 134,000 penduduk terpaksa dipindahkan ketika gelombang kedua bencana tersebut menyusul tiga minggu selepas itu.

Menurut Najib, anggaran keseluruhan kerosakan yang dialami oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) masih belum dapat ditentukan.

Jabatan tersebut telah diminta memperhalusi tindakan bagi membaik pulih sungai dan longkang yang mungkin memerlukan perbelanjaan yang agak besar.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata,

kerajaan turut membuat keputusan untuk memperbesarkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat dengan mengambil kira situasi luar jangka ekoran kejadian banjir besar di Johor yang berlaku dua kali.

“Jawatankuasa tersebut juga membuat keputusan untuk memberikan kefahaman yang lebih kepada para pegawai tentang struktur menangani bencana banjir sebagaimana garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan.

“Sewaktu berlaku banjir, pentadbiran yang paling dekat dengan rakyat ialah di peringkat daerah iaitu pegawai daerah yang diberi tanggungjawab untuk menyelaras segala aktiviti dan tindakan berhubung pengurusan banjir di peringkat itu,” katanya.

Bagi tujuan itu, Najib berkata, pegawai daerah perlu mengadakan mesyuarat banjir pada setiap hari dan ia menjadi sebahagian daripada Prosedur Tetap Operasi (SOP).

Bantuan

“Jawatankuasa juga mengambil keputusan bahawa tindakan penyelaras perlu diambil bersama dengan wakil rakyat untuk duduk dalam mesyuarat yang dipengerusi oleh pegawai daerah supaya maklumat daripada mereka dapat diambil kira,” katanya.

Najib menjelaskan, kerajaan akan menggunakan dana daripada sumbangan syarikat korporat dan orang ramai bagi menyalurkan beberapa bentuk bantuan kepada mangsa banjir.

Beliau berkata, bantuan tersebut membabitkan pemberian sumbangan RM200 kepada semua mangsa yang terpaksa berpindah kali pertama dan mangsa lain yang telah disahkan terlibat dalam bencana itu meskipun tidak ditempatkan ke pusat pemindahan banjir.

“Mangsa yang terlibat dalam banjir pada pusingan kedua juga akan mendapat bantuan RM200 bagi setiap keluarga dan ia akan diselaras di peringkat daerah termasuk mereka

yang tidak terkena banjir dalam pusingan pertama,” katanya.

Najib menjelaskan, bantuan RM500 sebagai pampasan kerosakan peralatan rumah akan diberikan sekali gus tanpa mengira sama ada mangsa terlibat dengan kedua-dua gelombang banjir berkenaan.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, usaha untuk membina semula 45 buah rumah penduduk yang musnah sama sekali atau tidak boleh lagi didiami akibat banjir akan diserahkan kepada Syarikat Perumahan Negara Bhd. (SPNB).

SPNB akan membina rumah-rumah itu menggunakan sumber dana sumbangan orang ramai.

Katanya, dari segi jumlah kerosakan rumah, kerajaan hanya menetapkan bantuan maksimum diberikan sehingga RM3,000.

“Kita akan gunakan sepenuhnya bantuan orang ramai untuk menyalurkan bantuan yang saya sebutkan tadi dan dalam penyaluran itu kita amalkan sikap telus,” katanya.

Sementara itu, Pejabat Timbalan Perdana Menteri dalam satu kenyataan menyebut, keluarga yang mengalami kematian akibat banjir akan diberikan bantuan ihsan RM5,000.

Katanya, keluarga yang berpindah ke pusat pemindahan akan menerima bantuan ihsan RM500 manakala keluarga yang berpindah ke rumah saudara-mara akan menerima bantuan ihsan RM300.

Bagi sektor pertanian pula, petani akan menerima bantuan penanaman semula padi RM573 sehektar manakala tanaman kontan dan jangka pendek melibatkan sayur-sayuran diberikan bantuan RM2,000 sehektar (maksimum sehektar).

Tanaman buah-buahan akan diberikan bantuan ihsan RM1,000 sehektar (maksimum sehektar) dan minimum RM500 bagi yang kurang daripada satu hektar, kata kenyataan itu.

Sektor ternakan kecil membabitkan ternakan lembu diberikan bantuan ihsan RM700 seekor manakala kerbau RM600 dengan tuntutan maksimum masing-masing setakat 10 ekor.